

20/10/2001

Faedah menyeluruh kepada semua rakyat

BERLATARBELAKANGKAN kegawatan ekonomi dunia yang berkait secara langsung dengan kelembapan di Amerika Syarikat dan Jepun, Belanjawan Negara 2002 yang dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam, boleh dirumuskan di antara bersifat penyayang hinggalah kepada agresif dan berani. Dengan strategi serampang tiga mata untuk memperkukuhkan semula pertumbuhan ekonomi negara, mempelbagaikan sumber pertumbuhan, serta menentukan agihan kekayaan supaya lebih saksama, belanjawan tahun depan yang juga suatu rekod dengan jumlah RM100.52 bilion - peningkatan 10.4 peratus daripada jumlah tahun ini - bukan saja menyeluruh, malah amat memberangsangkan.

Dari segi buah tangannya pula, hampir tiada siapa yang tersisih daripada menerima manfaatnya, baik secara langsung mahupun tidak langsung. Sekali gus, pembentangan kira-kira dua jam yang dilakukan Perdana Menteri membawa banyak khabar gembira, dengan penduduk termiskin di kampung sekalipun bakal turut mendapat bahagian daripada peruntukan terbesar berjumlah RM5.34 bilion, antaranya untuk pertanian, pembangunan tanah dan wilayah, pembangunan kampung dan masyarakat serta jalan luar bandar, jalan kampung dan menyediakan bekalan air dan elektrik seiring dengan usaha meningkatkan lagi kemudahan dan keselesaan rakyat luar bandar.

Pengurangan cukai pendapatan individu antara satu dengan dua peratus manakala cukai pendapatan maksimum 29 peratus sekarang dikurangkan kepada 28 peratus bermakna penjimatan di antara RM200 hingga RM3,800 yang diharap dapat merangsang kegiatan ekonomi dalam negara dengan keyakinan untuk berbelanja di kalangan rakyat. Malah, atas hasrat yang samalah, 980,995 kakitangan awam diberikan bonus setengah bulan gaji atau minimum RM1,000 di samping kenaikan gaji 10 peratus bagi tahun depan meskipun ia rata-rata dianggap sesuatu yang kurang dijangkakan. Cuma penguatkuasaan hendaklah turut sama dipertingkatkan agar peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.

Bertepatan dengan unjuran penganalisis dan pakar ekonomi sebelum ini, pertumbuhan ekonomi negara harus dijana oleh sektor domestik dengan sasaran mendapatkan kadar pertumbuhan lebih besar tahun depan. Sokongan orang ramai dan swasta akan menjadi tonggak menentukan kejayaan Belanjawan 2002 menjana semula pertumbuhan. Ini memerlukan rakyat berbelanja lebih di dalam negara dan tidak terlalu mengekang perbelanjaan atau terlalu menabung kerana ini akan memberi masalah kepada peruncit, pembekal dan juga pekerja kilang. Sebagaimana yang ditegaskan Dr Mahathir, lebih kerap wang bertukar tangan, lebih besarlah sumbangan wang itu kepada ekonomi negara dan kekayaannya.

Seiring dengan strategi menentukan agihan kekayaan supaya lebih saksama, kerajaan prihatin terhadap perlunya jurang pendapatan yang agak luas di antara golongan terkaya dan yang termiskin dirapatkan. Tambahan pula bilangan rakyat berpendapatan rendah adalah ramai dan ini dengan sendirinya bermakna sumbangan mereka terhadap KDNK negara adalah besar jika daya beli golongan ini dapat dipertingkatkan. Mereka harus bersyukur dengan peruntukan RM10 juta untuk melatih mereka dalam pelbagai bidang kemahiran. Di samping itu, peneroka kelapa sawit dan getah akan turut mendapat mendapat bantuan dalam bentuk sokongan harga jika harga komoditi tanaman mereka turun. Ramai rakyat termiskin, termasuk Kelantan dan Terengganu, juga akan menerima manfaat hasil peruntukan RM204.5 juta untuk program kesejahteraan rakyat.

Di samping itu, masyarakat luar bandar harus mengambil kesempatan sepenuhnya daripada pelbagai insentif cukai yang disediakan bagi mendorong kemajuan pengeluaran pertanian negara. Kerajaan juga menyediakan galakan cukai dalam bentuk elaun 100 peratus ke atas perbelanjaan modal bagi menggalak pengeluaran bahan makanan secara besar-besaran dengan matlamat eksport dan bagi tujuan penggantian import. Selain ternakan udang, florikultur dan penanaman buah-buahan, galakan kini turut diperluaskan kepada projek pertanian lain, seperti tanaman sayur-sayuran, herba, ternakan ikan, termasuk ikan hiasan, kerang dan tiram. Ia akan dapat mengurangkan pergantungan kepada import makanan yang melebihi RM11 bilion tahun lalu.

Di sebalik pelbagai habuan yang ditawarkan, kenaikan harga barangan tertentu boleh difahami, termasuk harga runcit petrol sebanyak 10 sen seliter, bagi mengimbangi subsidi besar yang ditanggung kerajaan selama ini. Sebagaimana lumrah belanjawan hampir saban tahun, kenaikan duti import bagi rokok adalah sesuatu yang dijangkakan. Selain bertujuan menggalakkan rakyat mengamalkan cara hidup sihat, kebimbangan tabiat merokok yang berterusan menular di kalangan pelajar sekolah tidak harus dibiarkan tanpa dibendung.

Kecuali cukai korporat yang kekal pada paras 28 peratus - berlawanan dengan jangkaan ia akan diturunkan - belanjawan tahun depan masih memberi kegembiraan kepada peniaga dengan penawaran insentif cukai bagi mereka melaksanakan perdagangan luar pesisir menerusi laman web. Keseluruhannya, Belanjawan 2002 memberi faedah menyeluruh kepada rakyat sehingga hal kebajikan dan faedah bagi wanita, termasuk bayaran pencen kepada balu yang berkahwin semula, belia dan golongan cacat turut tidak dilupakan. Malah, semua pakej dan insentif diperuntukkan untuk bidang yang betul, seperti dalam pendidikan, kesihatan, pelancongan serta sektor lain yang memerlukan bantuan untuk terus merangsang aktiviti ekonomi dalam negara dengan syarat semua pihak memainkan peranan dalam mengekalkan keharmonian dan kestabilan yang sedia ada.

(END)